

**Menteri tidak tolak mungkin wujud elemen keganasan dalam insiden pesawat hilang
Malaysian Insider
10 Mac, 2014**

Hishammuddin tidak menolak sebarang kemungkinan yang menyebabkan kehilangan pesawat MH370. Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein tidak menolak kemungkinan terdapat elemen keganasan dalam kejadian kehilangan pesawat Malaysia Airlines (MAS) Sabtu lalu.

Akhbar Berita Harian melaporkan beliau berkata di Kuala Lumpur selepas masuk hari keempat operasi mencari dan menyelamatkan dijalankan tanpa sebarang petunjuk positif, yakin dengan semua kemungkinan yang boleh berlaku ke atas pesawat yang membawa 227 penumpang dan 12 anak kapal penerbangan itu.

Pesawat Boeing 777-200 berlepas dari KLIA ke Beijing jam 12.41 pagi pada Sabtu, tetapi terputus hubungan pada jam 1.20 pagi ketika ia terbang di ruang udara yang dikendalikan menara kawalan di Ho Chi Minh.

Menurut senarai penumpang, pesawat itu membawa 239 penumpang, dengan kebanyakannya adalah penumpang dari China, dan 12 anak kapal.

BBC Persian hari ini melaporkan dua lelaki yang menggunakan pasport palsu untuk menaiki penerbangan MH370 dipercayai adalah rakyat Iran.

Katanya, dua lelaki Iran terbabit menggunakan pasport palsu dengan tujuan berhijrah ke Jerman dan Denmark.

Menurut laporan itu, seorang rakan daripada dua lelaki berkenaan mengaku menjemput mereka di Kuala Lumpur sebaik tiba dari Tehran beberapa hari sebelum berlepas ke Beijing menaiki pesawat MH370.

Sementara itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar dalam satu sidang media hari ini mengenal pasti salah seorang pemegang pasport curi Austria adalah seorang warga Iran, Pouri Nourmohammadi, 19, sewaktu dalam perjalanan ke Jerman.

Katanya, berdasarkan pemeriksaan mendapati Pouri tidak terlibat dengan mana-mana kumpulan penganas.

Pouri datang ke negara ini pada 28 Februari dan keluar pada 9 Mac menaiki pesawat MH370 Malaysia Airlines (MAS) MH370.

Ketika ditanya mengapa polis Malaysia begitu yakin Pouri tidak terlibat dalam kegiatan keganasan, Khalid berkata, pihaknya sudah memastikan perkara itu.

Beliau mengesahkan semua yang membeli tiket menaiki pesawat MH370 yang hilang ketika penerbangan ke Beijing, awal pagi Sabtu. – 11 Mac, 2014.

Hakcipta © 2014 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/menteri-pertahanan-tidak-tolak-kemungkinan-wujud-elemen-keganasan-dalam-ins>